

Siswa perlu tingkat kemahiran insaniah

Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah antara universiti awam yang menyediakan platform dan peluang kepada mahasiswa untuk menonjolkan bakat dalam bidang seni serta budaya.

Ketua Unit Seni dan Budaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Adidi Tamin, berkata platform disediakan di bawah Bahagian Kesenian dan Kebudayaan itu berperanan menyalurkan kepentingan seni budaya warisan bangsa kepada mahasiswa, sekali gus membantu mengembangkan aktiviti serta memupuk minat mereka terhadap bidang terbabit.

"Mahasiswa memang ditekankan untuk meningkatkan kemahiran insaniah diri. Antara caranya dengan menyertai kurikulum seperti membabitkan diri dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan."

"Dengan penyertaan ini, mereka bukan sahaja mampu menguasai kema-



Adidi Tamin

hiran tambahan dan menimba pengalaman, tetapi juga berpeluang mengadakan persembahan di luar kampus," katanya.

Adidi berkata, bagi memenuhi bakat dan minat tersendiri mahasiswa, BHEP menawarkan 10 pilihan kelab kesenian dan kebudayaan seperti Senitari Adimastuli, Nasyid Nahwan Nur, Penggiat Teater Sejagat, Koir Putra Harmoni, Tarian Klasik India Putra Kalakshetra serta Dikir Barat Kijang Mas.

"Bagi mencari pelapis dan wakil terbaik universiti dalam kesenian dan kebudayaan itu, kelab serta persatuan terbabit akan menjalankan uji bakat.

Jalani uji bakat

Katanya, dari aspek pemilihan peserta, setiap kelab



Pendedahan mahasiswa ketika membuat persembahan di depan penonton meningkatkan keyakinan diri.

akan mengadakan Bazar Persatuan setiap tahun untuk membolehkan mahasiswa baharu mendaftar menjadi ahli kelab dan persatuan yang diminati.

"Bagi mencari pelapis dan wakil terbaik universiti dalam kesenian dan kebudayaan itu, kelab serta persatuan terbabit akan menjalankan uji bakat.

"Pelbagai pertandingan peringkat kolej kediaman turut diadakan untuk mencungkil bakat mahasiswa bagi mencari mahasiswa terbaik sebagai wakil universiti, termasuk Pertandingan Nasyid Interkolej, Festival Rampaitari Interkolej, Festival Teater Interkolej dan Malam Tunas Budaya," katanya.

Berkongsi kelebihan dan kepentingan diperoleh mahasiswa melalui pembabitan aktif dalam aktiviti itu, beliau berkata, selain menimba ilmu dan pengalaman berharga, mereka mampu membentuk diri menjadi seorang yang berpengetahuan luas.

"Pihak BHEP selalu mene-kankan kepada mahasiswa

untuk aktif dalam aktiviti kokurikulum kerana dapat meningkatkan kemahiran insaniah kerana penting untuk masa depan kerjaya.

"Mereka juga boleh menjana pendapatan melalui jemputan mengadakan persembahan apabila menerima bayaran daripada pengajur atau memenangi pertandingan," katanya.